

10/03/2003

Buktikan Bangsa Malaysia mampu hadapi cabaran

Raja Ahmad Zainuddin

SELEPAS kejayaan Muhammad Hafiz Hashim dan yang terbaru pasukan bowling kebangsaan, impian kita di persada sukan bertaraf dunia sesungguhnya bukan lagi bagaikan mimpi di siang hari.

Malah tidak keterlaluan jika kita katakan bahawa Bangsa Malaysia akan menjadi lebih hebat dan disegani sekiranya kita sanggup bersaing seperti mana kata Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Bagaikan kita mendapat semangat baru apabila Datuk Seri Abdullah turut mengatakan bahawa Bangsa Malaysia boleh bersaing malah menjadi yang terbaik dalam cabaran baru dunia jika kita bersedia bekerjasama menyumbang masa dan tenaga selain berhati-hati dalam tindakan.

Kejayaan Kuala Lumpur menganjurkan sidang kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) Ke-13 adalah satu contoh terbaik Bangsa Malaysia bekerjasama menjayakan sesuatu. Dalam hubungan ini kita turut berbangga kerana gelaran dunia yang kita menangi oleh pasukan bowling lelaki dan wanita di Odense, Denmark. Tahniah kepada Shalin Zulkifli, Wendy Chai, Sarah Yap, K N Lai, Choy Poh Lai, Sharon Chai, Ben Heng, Alex Liew, Zulmazran Zulkifli, Azidi Ameran, Daniel Lim dan Jonathan Lim.

Begitu juga dengan kejayaan Muhammad Hafiz menjuarai perseorangan badminton perseorangan lelaki Seluruh England yang menurut beliau juga membuktikan jika ada kesungguhan dan tumpuan, kita boleh mencapai kejayaan walaupun sudah menanti 37 tahun dan berharap ia sebagai permulaan kejayaan yang lebih besar.

Kejayaan Muhammad Hafiz setidak-tidaknya membakar semangat kepada atlet lain agar tidak gementar dan merasa rendah diri biarpun ketika berada di pentas antarabangsa.

Walaupun ini sebagai satu permulaan, setidak-tidaknya pemain kita tidak lagi mudah dilabelkan sebagai hanya jaguh kampung. Sebaliknya turut mendorong kita menjadi bangsa yang berjiwa besar sepertimana penghormatan dunia kepada kepimpinan kita Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed di gelanggang antarabangsa.

Kerana impian besar ini jugalah Majlis Sukan Negara (MSN) masih bertegas dan bersikap tidak mahu berpatah arang berkerat rotan di dalam persediaan menghadapi Sukan Sea di Vietnam walaupun ada desakan supaya kita mempertahankan kejuaraan yang kita capai di Kuala Lumpur dua tahun lalu.

Sebaliknya MSN mahu menumpukan kepada temasya lebih besar seperti Sukan Asia, Komanwel dan Olimpik dan tidak lagi berminat dengan Sukan Sea. Justeru pegawai MSN sendiri mengakui tidak merasa kecewa jika kontinjen negara hanya sekadar menduduki tempat keempat atau kelima di Vietnam nanti.

Akan tetapi, ada juga pendapat supaya MSN memikir semula rancangan tersebut kerana kita tidak mahu dipandang serong dan dilabel sebagai penakut selepas menjadi juara di Sukan Sea di Kuala Lumpur.

Kita seolah-olah mengalah lebih awal. Thailand dan Indonesia selaku pencabar kita selama ini mungkin akan tertawa dan tidak boleh menyalahkan mereka jika kita sekali lagi dianggap hanya jaguh kampung. Jangan pula kita salahkan kail sejengkal, kerana kita sendiri yang takut di lambung ombak.

Lupakah kita atlet yang menjadi jaguh hari ini bukan seperti bintang yang jatuh ke atas riba? Bakat mereka bermula dari bawah. Dari temasya sukan kecil yang diadakan di peringkat sekolah, di kampung, mukim, daerah dan negeri dan seterusnya di peringkat kebangsaan. Pelari Rabuan Pit,

Datuk M Jegathesan dan Ishtiaq Mubarak adalah antara mereka yang mencapai kecemerlangan di Sukan Sea dan Asia.

Dalam soal ini saya rasa Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishamuddin Tun Hussein mungkin boleh mempertimbangkan rayuan persatuan sukan yang ibarat sudah berputih mata untuk mendapatkan pembiayaan latihan menghadapi Sukan Sea di Vietnam. Ini adalah kerana mereka tidak mahu terlepas untuk beraksi dalam temasya serantau ini.

Keyakinan ini adalah bersandarkan kepada Datuk Hishamuddin yang saya kenali seorang yang juga suka mendengar pandangan orang lain. Umpamanya dengan tidak mengeneipkan nasihat Perdana Menteri supaya Muhammad Hafiz tidak dirosakkan dengan ganjaran yang berlebihan, tetapi beliau mencari pendekatan yang berbeza dengan mengadakan skim kewangan khas untuk jaguh muda itu.

Tidak kiralah sama ada ia berupa insuran atau amanah saham, tetapi setidak-tidaknya Datuk Hishamuddin lebih melihat kepada masa depan Muhammad Hafiz dan atlit yang pernah berjaya bila mereka bersara kelak.

Belum ada skim dalam bentuk pelaburan dalam amanah saham atau insuran yang dilaburkan untuk tempoh tertentu dan digunakan oleh atlit apabila mereka mengakhiri kerjaya dalam sukan masing-masing.

Justeru kita amatlah mengalu-alukan skim tersebut setidak-tidaknya akan menjadi pendorong kepada atlit untuk mempertingkatkan pencapaian mereka.

Diharapkan rintihan pembiayaan latihan oleh persatuan sukan akan mendapat pertimbangan beliau sekalipun MSN sudah membuat keputusan muktamad dalam isu persediaan Sukan Sea di Vietnam.

Kebetulan Parlimen yang akan mula bersidang hari ini hingga 8 April yang akan datang dan isu sukan dan prestasinya sering kali menjadi topik perbincangan ahli-ahli parlimen. Tidak kiralah sama ada ia akan dibawa oleh Datuk Mohd Zain Mohamed selaku Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) atau wakil rakyat yang lain di dalam perbahasan mereka.

Prestasi Sukan Sea Kuala Lumpur yang melakar sejarah dan Sukan Asia di Busan, Korea Selatan umpamanya termasuk kes pengambilan dadah pemain takraw negara turut mendapat perhatian ahli-ahli parlimen dalam perbahasan yang agak hangat di persidangan yang lalu dan ramai di antara mereka yang telah memberi teguran, pandangan dan pendapat yang bernas.

Sementara itu, lawatan yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail ke Kompleks Sukan MSN di Bukit Jalil baru-baru ini juga kita percaya akan memberi galakan moral kepada atlit kita untuk membuat persediaan yang lebih serius di dalam menghadapi kejohanan bertaraf antarabangsa.